

SEPTMBER  
2024

Aspirasi  
Kemajuan

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pkn.gov.my](http://www.pkn.gov.my)

## ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN YANG KE-29 KEBAWAH DULI PADUKA MULIA TENGGU MAHKOTA PAHANG

Kuantan, 17 September - Merafak Sembah dan Setinggi-Tinggi Ucapan Tahniah Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang ke-29 Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang pada 17 September 2024 bersamaan 13 Rabiulawal 1446H.

Pacal-pacal sekalian mendoakan moga-moga Allah S.W.T mengurniakan kesihatan yang afiat, dilanjutkan usia dan sentiasa dalam rahmat pemeliharaan-Nya.

Sembah Takzim daripada Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan dan Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP.



## PERSIDANGAN S-GLC PAHANG 2024



YAB. Menteri Besar Pahang merangkap Pengerusi PKNP hadir bagi melihat pembentangan prestasi S-GLC Pahang

Putrajaya, 19 September – Delegasi Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah menyertai Persidangan S-GLC Pahang 2024 bertempat di Hotel The Everly, Putrajaya.

Delegasi PKNP yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar turut melibatkan kedua-dua Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan dan Pembangunan PKNP, Y.Bhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin dan Encik Mohd Razif bin Abdul Malek.

Persidangan yang berlangsung selama tiga (3) hari bermula dari 19 hingga 21 September 2024 tersebut telah dihadiri oleh barisan pentadbiran Kerajaan Negeri Pahang termasuk YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Pegawai Kewangan

Negeri Pahang, Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ketua-Ketua GLC Induk dan GLC anak syarikat serta Ahli-ahli Lembaga Pengarah GLC dan anak syarikat.

Antara pengisian persidangan adalah pembentangan prestasi dan pencapaian setiap GLC untuk tahun 2023 dan 2024 serta perancangan untuk tahun 2025.

Bersempena dengan persidangan tersebut juga turut dianjurkan sukan boling dan 'Explorace' yang mana telah disertai oleh pemain-pemain daripada PKNP yang telah mencatatkan keputusan Johan untuk sukan 'Explorace' dan Naib Johan untuk Boling Berkumpulan.



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP membentangkan prestasi PKNP pada hari kedua program

## PROGRAM DERMA DARAH & PEMERIKSAAN KESIHATAN TAHUN 2024



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP hadir bagi menderma darah bersama isteri merangkap Pengerusi Puspanita PKNP

Kuantan, 24 September - Program Derma Darah Dan Pemeriksaan Kesihatan anjuran Puspanita PKNP dan Kelab Keluarga Kumpulan PKNP telah diadakan di Tingkat 1, Berjaya Megamall, Kuantan. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Unit Tabung Darah Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) dan KMI Kuantan Medical Centre (KMI Kuantan).

Program ini merupakan salah satu program tanggungjawab sosial PKNP untuk membantu Unit Tabung Darah HTAA dalam menyediakan platform untuk orang ramai menderma darah. Selain itu, program ini turut menyediakan pemeriksaan kesihatan oleh KMI Kuantan secara percuma.

Program ini secara tidak langsung dapat mengeratkan silaturahim warga PKNP dan orang ramai disamping meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan dan kebaikan menderma darah.

Turut hadir menderma darah dan membuat pemeriksaan kesihatan ialah Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengerusi Puspanita PKNP, YBhg. Datin Zuhaira binti Zainordin dan Presiden Kelab Keluarga Kumpulan PKNP, Encik Rahmat bin Hussin.

Berdasarkan rekod, program ini berjaya menarik seramai 152 orang untuk menderma dan 91 daripadanya telah berjaya. Manakala seramai 160 orang telah membuat pemeriksaan kesihatan.



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP turut hadir bagi menjalankan pemeriksaan kesihatan dan derma darah

## SUMBANGAN ZAKAT PKNP BANTU RINGKANKAN BEBANAN ASNAF DI KAWASAN DUN TAHAN PAHANG



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP memberikan sumbangan kepada salah seorang golongan asnaf

Kuantan, 17 September - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah menghadiri Sesi Penyerahan Sumbangan Wakalah Zakat PKNP kepada Golongan Asnaf di Kawasan Dun Tahan bersempena Program Teras GLC Pahang 2024.

Dun Tahan merupakan kawasan yang dipertanggungjawabkan kepada PKNP dibawah Program Teras GLC Pahang 2024 yang mana PKNP berperanan dalam membantu menyelaraskan program-program di kawasan tersebut ke arah yang boleh mendatangkan manfaat dari segi ekonomi, sosio ekonomi, pendidikan, kebajikan dan banyak lagi.

Turut hadir bagi memeriahkan majlis tersebut adalah ADUN Lantikan Dewan Negeri Pahang, YB Tuan Harris Salleh bin Haji Hamzah.

Dalam program tersebut juga, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH Dato' Mohd Faizal bin Jaafar serta YB Tuan Harris Salleh bin Hamzah telah menyampaikan sumbangan zakat PKNP kepada seramai 80 orang asnaf di kawasan Dun Tahan.

Semoga dengan sumbangan tersebut sedikit sebanyak dapat membantu mereka dalam mencukupkan keperluan harian serta menjadi pendorong semangat untuk mereka bekerja dan berusaha utk meningkatkan taraf hidup masing-masing dari semasa ke semasa.

# PROGRAM PKNP BERSELAWAT SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 2024H/1446H



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) hadir bagi memeriahkan majlis

Kuantan, 27 September - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Yang Hormat Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, bersama-sama Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, telah menghadiri Program PKNP Berselawat bersempena sambutan Maulidur Rasul 2024M/1446H.

Program tahunan yang dianjurkan oleh Kelab Keluarga Kumpulan PKNP dengan kerjasama PUSPANITA PKNP, diserikan dengan persembahan Qasidah oleh Kumpulan Qasidah dari Akademi Tahfiz Al Ameen, selain ceramah bertajuk "Cinta Rasulullah dalam Keluarga" yang telah disampaikan oleh Ustaz Syed Jaafar Sadeq Alkaff bin Syed Mohssin.

Turut hadir dalam majlis ini adalah Presiden Kelab Keluarga Kumpulan PKNP, Pengurus Bahagian/ Unit di PKNP, ahli-ahli PUSPANITA PKNP serta warga Kompleks Teruntum dengan jumlah kehadiran lebih kurang 100 orang.

Semoga dengan penganjuran program seumpama ini dapat meningkatkan lagi semangat kekeluargaan serta menyemarakkan rasa kecintaan terhadap junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

In Shaa Allah.



Majlis diserikan dengan persembahan Qasidah dari Akademi Tahfiz Al Ameen

# SUMBANGAN ZAKAT KEPADA MURID ASNAF DAN KURANG KEMAMPUAN DI SMK GUDANG RASAU

Kuantan, 1 Oktober - Tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada PKNP bagi menyerahkan sumbangan zakat kepada lima (5) golongan yang memerlukan (fakir, miskin, gharimin, fisabilillah dan mu'alaf) telahpun diselesaikan untuk tahun ini yang mana menyaksikan pelajar-pelajar asnaf di SMK Gudang Rasau, Kuantan dan SMK Sultan Abu Bakar, Kuantan sebagai penutup bagi penerimaan sumbangan zakat daripada PKNP.



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pelajar asnaf SMK Gudang Rasau

Penyerahan sumbangan zakat di SMK Sultan Abu Bakar kepada seramai 71 orang pelajar telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar manakala sumbangan zakat kepada seramai 111 pelajar di SMK Gudang Rasau telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek.

Diharapkan dengan sumbangan yang tidak seberapa ini dapat memberikan manfaat kepada semua golongan penerima zakat PKNP dan menjadi semangat untuk berusaha bagi meningkatkan taraf hidup masing-masing. In Shaa Allah.



Seramai 71 orang pelajar hadir bagi menerima sumbangan zakat

# PKNP TENUN PAHANG SOI SERTA MAYBANK FOUNDATION CULTURAL ART SHOWCASE & BAZAAR



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP bergambar bersama Pengerusi Kumpulan Maybank sebagai kenang-kenangan

Kuala Lumpur, 5 September - PKNP Tenun Pahang Soi (PTPS) menyahut inisiatif menyebarkan dan mendidik masyarakat tentang seni warisan negara termasuk dari Negeri Pahang iaitu Tenun Pahang dengan menyertai Maybank Foundation Cultural Art Showcase & Bazaar.

Majlis kemuncak pelancaran telah berlangsung baru-baru ini dengan dihadiri oleh Pengerusi Kumpulan Maybank, Tan Sri Dato' Sri Ir. Zamzamzairani Mohd Isa, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank, Dato' Khairussaleh Ramli, Ahli Lembaga Pengarah Maybank Foundation, Datuk Paduka Marina Mahathir, Ketua Pegawai Kemampuna Maybank,

Encik Shahril Azuar Jimin dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Foundation, Puan Izlyn Ramli.

PKNP Tenun Pahang Soi diwakili oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP merangkap Pengarah PKNP Tenun Pahang Soi, YBhg. Datin Hajah Noraskin Jamaludin dan Pemangku Ketua Pegawai Operasi (COO), Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani.

Penganjuran acara budaya seperti ini adalah penting sebagai platform mendekatkan masyarakat dengan seni warisan tanah air. Malah, penyertaan PTPS kali ini adalah satu sokongan penuh kepada salah satu inisiatif dari Maybank Foundation dan pihak KakiSeni.



Pengerusi Kumpulan Maybank melihat pameran Tenun Pahang



## PROGRAM KPNP BERSELAWAT SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 2024H/1446H



## PROGRAM DERMA DARAH PEMERIKSAAN KESIHATAN



### *Bidang Redaksi*

**PENAUNG / PENASIHAT**  
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**PENYELARAS PENERBITAN**  
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

**KETUA EDITOR**  
Encik Muhammad Farhan bin Mohd Kamarulzaman

**GRAFIK**  
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rashi

**JURUFOTO**  
Encik Muhammad Amjad bin Mohamed Azhar